



## SIARAN MEDIA

### MPS GEMPUR KILANG MEMPROSES AYAM TANPA LESEN

Pemilik sebuah kilang memproses ayam tanpa lesen didapati masih berdegil dan meneruskan perniagaan seperti sedia kala walaupun pernah diserbu sebanyak dua kali dalam operasi bersepadu yang pernah dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Selayang sebelum ini di Jalan Sungai Bakau, Rawang.

Untuk makluman, pemilik premis kilang pernah diberikan lesen sementara namun dibatalkan kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui notis yang telah dikeluarkan pada 8 Februari 2023. Surat makluman pembatalan telah diserahkan kepada premis perniagaan pada 3 Ogos 2023 dan telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti perniagaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat pemakluman pembatalan.

Selain itu, pelaksanaan operasi ini adalah kerana aduan orang awam yang terganggu dengan pencemaran bau, air dan serangga di kawasan persekitaran di mana lokasi memproses ayam tersebut adalah berhampiran dengan rumah kediaman. Malah premis itu juga didapati menumpahkan darah ayam dan air buangan terus ke dalam longkang.

Sehubungan itu, pihak MPS telah mengambil beberapa tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan empat kompaun, satu notis penutupan, sitaan dan pemotongan bekalan elektrik untuk lampu bangunan bagi tujuan pelumpuhan pengoperasian di kilang tersebut.

Notis dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 3, Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPS) 2007; UUK 27 (2), Undang-Undang Kecil Establisyemen Makanan (MPS) 2007; UUK 19 (1) d, Undang-Undang Kecil Establisyemen Makanan (MPS) 2007 dengan kompaun berjumlah RM1,000 maksimum setiap satu. MPS juga mengeluarkan notis di bawah Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133) kerana kesalahan penambahan dan perubahan dalaman premis dengan kompaun berjumlah RM12,500. Premis juga diarahkan untuk ditutup serta-merta selama 14 hari.

Operasi bersepadu yang diketuai oleh Tuan Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS bersama-sama 69 anggota penguatkuasa dan jabatan dalaman MPS telah dimulakan pada pukul 3.00 pagi dan berakhir pada pukul 6.00 pagi pada 29 Ogos 2023 (Isnin) tanpa sebarang halangan atau provokasi daripada pemilik premis dan orang awam.

MPS memandangkan isu ini secara serius dan akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi membendung gejala haram ini. Pemilik premis diminta agar mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan atau tindakan tegas akan diambil oleh pihak berkuasa.

**#TAMAT#**



**Dikeluarkan Oleh:**

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**29 Ogos 2023**